

02 APR 2001

Beserah-Kerusi

FAUZI MASIH WAKIL RAKYAT KAWASAN BESERAH, KATA SPR

KUANTAN, 2 April (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Kuantan Datuk Fauzi Abdul Rahman masih merupakan wakil rakyat bagi kawasan Beserah memandangkan sehingga kini Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Negeri belum menerima sebarang notis kekosongan kerusi bagi kawasan itu.

Pegawai Pilihan Raya Negeri Muhammad Safian Ismail berkata mengikut prosedur SPR, mana-mana wakil rakyat yang berhasrat untuk mengosongkan kerusinya perlu mengemukakan surat peletakan jawatannya itu kepada Speaker Dewan Undangan Negeri.

Selepas itu, Speaker perlu melaporkan secara rasmi kepada SPR Negeri mengenai kekosongan di satu-satu kawasan pilihan raya dalam masa tiga hari untuk mengesahkan kekosongan kerusi itu, katanya semasa dihubungi Bernama di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata sehingga kini tiada sebarang notis diterima untuk membolehkan SPR negeri mengisytiharkan kekosongan kerusi DUN Beserah.

Fauzi memenangi kerusi Dun Beserah pada pilihan raya umum 1999 setelah menewaskan calon Pas, Mohd Yusof Ibrahim dengan majoriti 985 undi.

Sementara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang, Datuk Wan Razali Wan Mahussin berkata sehingga kini beliau tidak menerima sebarang surat daripada Fauzi untuk mengosongkan kerusi DUN Beserah.

Jumaat lepas, Fauzi, 55, menyerahkan surat yang memaklumkan hasratnya untuk meletak jawatan sebagai ADUN Beserah kepada Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang.

Beliau memberikan beberapa alasan termasuk bahawa dirinya tidak lagi diperlukan oleh Umno bahagian Kuantan berikutan pencalonan daripada cawangan-cawangan tidak memihak kepadanya bagi mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Kuantan.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur Sabtu lepas berkata Fauzi masih belum meletak jawatan selaku ADUN Beserah.

-- BERNAMA

ROS NMO